

# Projek Dulang kongsi kepakaran

**KERTIH, Isnin** — Syarikat minyak di negara ini perlu meningkatkan kebolehan dan keupayaan mereka selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara industri menjelang tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu dilaksanakan berikutan industri petroleum negara mencapai kemajuan pesat dalam tempoh yang agak singkat.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian ini kerana adanya

persaingan sengit dalam urusan minyak dan gas," katanya ketika merasmikan kelengkapan pengeluaran dan pelancaran minyak mentah Dulang di sini malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, syarikat minyak tempatan perlu bersungguh dalam meningkatkan lagi keupayaan mereka untuk menghadapi saingan.

Sehubungan itu, katanya, kejayaan Petronas Carigali Sdn Bhd menghasilkan minyak mentah jenis baru dari Medan Minyak Dulang di Terengganu, patut dipuji kerana

ia juga mendapat sambutan di pasaran.

"Saya difahamkan pengusaha loji penapis dan syarikat perdagangan Jepun menyatakan minat dan hasrat untuk membeli minyak mentah secara kontrak berpenggal daripada Petronas," katanya

Menurut Perdana Menteri, tukaran asing daripada jualan minyak mentah Dulang akan menyumbang ke arah memperbaiki kedudukan imbang-an pembayaran negara.

"Pembinaan pelantar Dulang adalah pencapaian mem-berangsangkan bagi industri

petroleum Malaysia kerana kelengkapan termoden dengan kemudahan 'state-of-the-art' ini dibina oleh syarikat pembuat dan limbungan kapal tempatan.

"Hasil penyertaan mereka dalam projek ini, kedudukan syarikat pembuat Malaysia dan syarikat perkhidmatan serta sokongan industri petroleum tempatan setanding dengan negara lain di rantau ini," katanya.

Beliau berkata, medan minyak itu apabila dibangunkan

**LIHAT MUKA 2**

## Tanda industri petroleum matang

● DARI MUKA 1

1991  
sepenuhnya akan menyumbang 10 peratus daripada keseluruhan pengeluaran minyak negara, yang mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pengeluar minyak bersih.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji Petronas Carigali kerana berjaya memenuhi tanggungjawabnya untuk membuktikan rakyat Malaysia mampu menghadapi sebarang cabaran dengan menggunakan kebolehan dan pendekatan tersendiri.

"Sesungguhnya Dulang menandakan kematangan industri petroleum kita, yang antara lain menampilkan Petronas Carigali sebagai syarikat eksplorasi dan pengeluaran petroleum sepenuhnya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu dan keamanan di Indochina turut menggalakkan Petronas, melalui anak syarikatnya Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd, menjalankan usaha carigali minyak di Myanmar dan memperluaskan kegiatan di Vietnam.

Usaha itu, katanya, bukan sahaja membantu memban- gunkan ekonomi negara jiran tetapi bermanfaat kepada Malaysia kerana kemakmuran negara berkenaan bererti per- tumbuhan pesat kepada da- gangan negara.

Beliau berkata, kerjasama dengan syarikat minyak mul- tinasional dalam kegiatan eksplorasi minyak juga mem- beri hasil yang baik seperti usahasama di antara Petro- nas Carigali dan Esso Produc- tion Malaysia Incorporated (EPMI) dalam projek Dulang.